

## KOMENTAR/COMMENTARY

# SEJAUH MANA PENERBITAN JURNAL MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN ILMU DI MALAYSIA?

*How Far Does Jurnal Publication Contribute to the Development of Knowledge in Malaysia?*

**Prof. Madya Dr Norsaleha Mohd Salleh<sup>①</sup>**

<sup>11</sup>Ketua Editor IJISTRA, IRIS Institute

(<sup>①</sup>[editor.ijistra@gmail.com](mailto:editor.ijistra@gmail.com))

### 1.0 Pendahuluan

Penerbitan jurnal merupakan kayu ukur utama (KPI) dalam menilai prestasi ahli akademik dan kualiti penyelidikan sesebuah universiti hampir di seluruh dunia. Sistem “*publish or perish*” membuatkan ahli akademik bergantung kepada penerbitan jurnal untuk mendapatkan geran kajian, mengekalkan pekerjaan, mendapat kenaikan pangkat dan meningkatkan reputasi mereka. Bagaimanapun, penerbitan jurnal kini menjadi perniagaan berbilion dolar yang mengutamakan keuntungan dan mengetepikan pembangunan ilmu serta menyekat manfaat penyelidikan kepada awam.

Kajian Butler et al. (2023) menunjukkan terdapat lima buah syarikat penerbitan Amerika Syarikat dan Eropah iaitu Elsevier, Sage, Springer Nature, Taylor & Francis dan Wiley yang mengawal majoriti penerbitan ilmiah global. Setiap syarikat ini mengaut hasil mencecah ratusan juta dolar dengan mengenakan bayaran ribuan dolar kepada ahli akademik untuk menerbitkan sebuah artikel jurnal. Syarikat-syarikat ini menikmati margin keuntungan sebanyak 30% kerana yuran penerbitan yang jauh melebihi kos sebenar proses penerbitan. Manakala pasukan editorial dan para pewartu kebanyakannya menyumbangkan kepakaran dan masa secara sukarela dan percuma. Syarikat-syarikat penerbitan ini mula mengenakan yuran penerbitan yang tinggi untuk mengekalkan keuntungan apabila mengubah platform jurnal dari model langganan kepada akses terbuka. Ini berikutan mereka mengalami pengurangan pelanggan ekoran kos langganan yang semakin membebankan. Kajian tersebut mempersoalkan sejauh mana landskap jurnal akademik berupaya mengembangkan ilmu secara mampan demi manfaat manusia sejagat atau sekadar menjadi sumber keuntungan bagi syarikat penerbitan komersial.

### 2.0 Ketidaksamaan dan diskriminasi dalam penerbitan jurnal berprestij antarabangsa

Yuran penerbitan yang tinggi bagi jurnal berprestij antarabangsa telah mewujudkan sistem dua peringkat. Hanya ahli akademik, institusi akademik dan pusat penyelidikan yang kaya mampu menerbitkan artikel dalam jurnal-jurnal berprestij antarabangsa. Ini merupakan suatu bentuk diskriminasi terhadap ahli akademik yang kurang berkemampuan seperti penyelidik muda (*early-career researchers*) dan ahli akademik dari negara berpendapatan rendah dan menengah. Kajian Wan Mohd Khairul Firdaus et al. (2021) menunjukkan tekanan untuk memenuhi KPI dan yuran penerbitan yang tinggi membuatkan golongan ini cenderung untuk melanggar etika kepengarangan akademik. Misalnya, kredit sebagai pengarang artikel diberikan kepada ahli akademik yang tidak memberikan sumbangan kepengarangan. Namun, mereka sanggup berkongsi bayaran yuran penerbitan. Ada juga yang menggunakan nama yang terkenal dalam sesuatu bidang untuk menaikkan reputasi sesebuah manuskrip. Pada masa yang sama, landskap penerbitan jurnal ini turut membuka peluang kepada jurnal

pemangsa (*predatory journal*) untuk mengambil kesempatan ke atas ahli-ahli akademik yang perlu bertahan dalam sistem “*publish or perish*” ini.

Selain itu, dominasi Bahasa Inggeris dalam penerbitan jurnal berprestij antarabangsa menimbulkan beberapa masalah dalam perkembangan ilmu. Meskipun Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang dominan dalam penerbitan jurnal berprestij antarabangsa namun ia bukan bahasa ibunda bagi majoriti saintis, penyelidik dan ahli akademik di seluruh dunia. Kajian Chang (2022) menunjukkan artikel jurnal bukan berbahasa Inggeris mempunyai kadar sitasi yang lebih rendah berbanding artikel jurnal dalam Bahasa Inggeris. Perkara ini telah menimbulkan dilema bagi para penulis dan pembaca jurnal seperti yang dilaporkan oleh Meneghini & Parker (2007). Para penulis ingin menulis dalam Bahasa Inggeris untuk menarik perhatian pembaca antarabangsa dan meningkatkan reputasi mereka. Selain itu, ia juga boleh mengurangkan risiko sesuatu ilmu pengetahuan “hilang” jika tidak diterbitkan dalam Bahasa Inggeris. Risiko ini merujuk kepada melambatkan proses pengembangan ilmu dan menghalang penyelidikan lanjut serta perencanaan dasar dan polisi yang sepatutnya. Misalnya, saintis Jerman telah menemui kaitan sebab-akibat yang jelas antara merokok dan kanser paru-paru pada awal tahun 1930-an. Namun, penemuan tersebut tidak mendapat perhatian sehingga saintis Britain dan Amerika Syarikat menemui dapatan tersebut pada tahun 1960-an yang kemudiannya mendorong penggubalan dasar dan program kesihatan awam untuk mengurangkan merokok.

Bagaimanapun, golongan pembaca seperti golongan profesional dan pengamal industri lebih mudah mengakses dan memahami hasil kajian yang ditulis dalam bahasa ibunda. Contohnya, pengamal perubatan perlu mengakses dan memahami hasil penyelidikan dalam bioperubatan terutamanya implikasi klinikal. Ini bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit yang berkomunikasi dalam bahasa ibunda. Tuntasnya, selain faktor yuran penerbitan yang tinggi, halangan bahasa dalam sistem penerbitan jurnal antarabangsa masa kini boleh menyekat perkembangan dan penyebaran ilmu yang memberi manfaat kepada kemajuan kehidupan manusia.

### 3.0 Obsesi terhadap penerbitan jurnal asing sekata pembangunan ilmu di Malaysia

KPI bagi ahli akademik dan universiti di Malaysia lebih mengutamakan penerbitan jurnal asing berimpak tinggi yang dianggap lebih berprestij. Jurnal berimpak tinggi merujuk kepada jurnal yang dianggap berpengaruh dalam bidang tertentu berdasarkan jumlah sitasi. Ia diindeks dalam pangkalan data bibliografi antarabangsa dengan proses semakan yang ketat. Bagaimanapun, kajian Chang (2022) menunjukkan terdapat *bias* dalam pengindeksan jurnal yang mengutamakan Bahasa Inggeris dan negara-negara penerbitan tertentu. Jurnal-jurnal ini juga tertumpu kepada agenda penyelidikan global bukan isu tempatan. Ini tidak bermakna jurnal-jurnal tempatan tidak berkualiti kerana Malaysia juga mempunyai piawaian tinggi untuk mengindeks jurnal dalam pangkalan data bibliografi tempatan. Namun begitu, KPI dalam dunia akademik Malaysia menekankan penerbitan jurnal asing untuk mengejar penarafan (*ranking*) universiti antarabangsa.

Akibatnya, agenda penyelidikan nasional kehilangan arah tuju dan hanya mengikut arus populariti topik-topik yang diterbitkan dalam jurnal berprestij antarabangsa. Oleh itu, tidak menghairankan apabila masih banyak potensi sumber-sumber nasional yang terabai dan tidak diupayakan. Misalnya, Malaysia kaya dengan sumber alam dan biodiversiti namun masih perlu mengimport banyak input pertanian seperti benih, baja dan dedak haiwan ternakan. Malah, masalah-masalah negara seperti bencana banjir, kedaulatan makanan dan kesenjangan sosioekonomi masih tidak dapat diselesaikan. Tuntasnya, penyelidikan nasional tidak memacu pembangunan negara dalam acuan sendiri dan berasaskan ilmu pengetahuan.

Obsesi terhadap penerbitan jurnal asing telah merendahkan martabat bahasa kebangsaan dan mengecilkan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Perkara ini merugikan Malaysia kerana menyukarkan usaha pengembangan dan penyebaran ilmu kepada awam. Secara tidak langsung,

usaha pembudayaan ilmu untuk melahirkan masyarakat yang berilmu menjadi semakin sukar. Perkara ini turut memberi kesan kepada identiti dan jati diri rakyat Malaysia kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi teras dalam pembentukan etos nasional. Selain itu, pihak kerajaan juga sukar untuk merencana dan melaksanakan dasar dan polisi yang sesuai berdasarkan hasil kajian tempatan.

Obsesi terhadap penerbitan jurnal asing merugikan negara kerana wang yang digunakan untuk membayar yuran penerbitan yang tinggi hanya menguntungkan syarikat asing dan menyumbang kepada pendapatan cukai negara luar. Sebaliknya, wang tersebut boleh menjadi sumber pendapatan kepada syarikat penerbitan tempatan atau universiti tempatan. Di samping kerugian dari sudut pendapatan, penerbitan dalam jurnal asing juga boleh mendedahkan maklumat penting yang boleh di manipulasi untuk kepentingan asing. Misalnya, maklumat penting berkaitan sumber negara dan hal ehwal negara seperti isu politik, keagamaan dan kemasyarakatan boleh diakses oleh pihak luar yang ingin mengambil kesempatan ke atas kekayaan sumber negara atau memecah-belahkan masyarakat.

Ramai penyelidik dan ahli akademik dari seluruh dunia telah menyuarakan kebimbangan mengenai obsesi terhadap penerbitan jurnal berprestij antarabangsa. Ini telah memberi kuasa yang besar kepada syarikat-syarikat penerbitan gergasi Amerika Syarikat dan Eropah untuk mengawal reputasi penyelidik dan capaian ilmu di seluruh dunia. Inisiatif syarikat-syarikat penerbitan ini dipacu oleh keuntungan sehingga mengabaikan pembangunan ilmu. Selain yuran penerbitan yang tidak munasabah dan membazirkan dana awam yang diperuntukkan untuk penyelidikan, syarikat-syarikat penerbitan juga memberikan tekanan kepada pasukan editorial jurnal untuk merendahkan piawaian saintifik dan penilaian editorial bagi meningkatkan keuntungan syarikat. Oleh itu, tidak menghairankan apabila lebih 40 orang saintis yang merupakan pasukan editorial Jurnal NeuroImage terbitan Elsevier memutuskan untuk meletakkan jawatan pada tahun 2023 seperti yang dilaporkan oleh Yup (2023).

#### 4.0 Menolak Eurocentrisme untuk kemajuan ilmu di Malaysia

Obsesi terhadap penerbitan jurnal asing dan penarafan universiti antarabangsa mengikut piawaian Barat mendedahkan pengaruh Eurocentrisme dalam dunia akademik dan kepimpinan Malaysia. Jati diri, semangat patriotik dan cintakan negara perlu ditingkatkan untuk merdeka dari penjajahan pemikiran (*captive mind*) seperti yang disebut oleh Profesor Dato' Dr. Syed Hussein Alatas dalam bukunya *The myth of the lazy native*. Ini supaya penyelidikan di Malaysia mampu menghasilkan pandangan yang bebas, kritikal terhadap idea asing dan membangunkan ilmu yang berpijak pada realiti tempatan.

Polisi kerajaan dan universiti perlu menyokong agenda dan usaha penyelidikan berorientasi nasional termasuk usaha memperkasakan penerbitan jurnal tempatan. Terdapat banyak negara seperti Perancis, Jerman, Sepanyol, China, Rusia dan Jepun yang melaksanakan pelbagai polisi dan inisiatif untuk menggalakkan penyelidikan yang menangani isu tempatan dan penerbitan jurnal tempatan. Antara usaha yang dilakukan adalah pemberian dana dan subsidi kerajaan, pemerkasaan syarikat penerbitan tidak berasaskan keuntungan, meletakkan piawaian dan pengiktirafan yang tinggi kepada pangkalan data bibliografi tempatan serta mengutamakan penerbitan jurnal tempatan dalam penilaian prestasi ahli akademik.

Ahli akademik sendiri memainkan peranan penting dalam memperkasakan penyelidikan nasional dan penerbitan jurnal tempatan. Ini berikutan syarikat-syarikat penerbitan bergantung kepada kepakaran dan tenaga ahli akademik dalam proses penerbitan jurnal. Ahli akademik yang memberi kuasa kepada syarikat-syarikat penerbitan maka ahli akademik juga mempunyai kuasa untuk menolak eksploitasi syarikat-syarikat penerbitan yang mengutamakan keuntungan. Contohnya, pasukan editorial yang telah meletak jawatan dari Jurnal NeuroImage telah menerbitkan sebuah jurnal lain dengan kerjasama MIT Press. MIT Press merupakan sebuah syarikat penerbitan bukan berasaskan keuntungan yang bernaung di bawah Massachusetts Institute of Technology (MIT).

## 5.0 Kesimpulan

Penerbitan jurnal merupakan KPI penting dalam penilaian prestasi ahli akademik dan kualiti penyelidikan di universiti. Namun ia menjadi perniagaan dengan keuntungan lumayan dan mengabaikan pembangunan dan penyebaran ilmu. Obsesi terhadap penerbitan jurnal antarabangsa mendedahkan pengaruh Eurocentrisme dalam dunia akademik dan kepimpinan di Malaysia. Ketundukan dan kebergantungan kepada pengiktirafan dan piawai Barat yang berat sebelah menunjukkan hegemoni Barat dan penjajahan minda masih berlaku. Kekuatan jati diri serta polisi kerajaan dan universiti merupakan faktor utama dalam memperkasakan penerbitan jurnal tempatan untuk pembangunan ilmu di Malaysia. Ahli akademik perlu bijak dan berani menggunakan kelebihan mereka untuk menolak dominasi dan eksploitasi syarikat-syarikat penerbitan. Masyarakat juga perlu meningkatkan daya membaca dan daya mengkaji supaya selari dengan hasrat memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan penyelidikan nasional.

## Rujukan

- Butler, L. A., Matthias, L., Simard, M.A., Mongeon, P., & Haustein, S. (2023). The oligopoly's shift to open access: How the big five academic publishers profit from article processing charges. *Quantitative Science Studies*, 4(4), 778–799. [https://doi.org/10.1162/qss\\_a\\_00272](https://doi.org/10.1162/qss_a_00272)
- Chang, Y. W. (2022). Capability of non-English-speaking countries for securing a foothold in international journal publishing. *Journal of Informetrics*, 16(3). <https://doi.org/10.1016/j.joi.2022.101305>
- Meneghini, R., & Packer, A. L. (2007). Is there science beyond English?: Initiatives to increase the quality and visibility of non-English publications might help to break down language barriers in scientific communication. *EMBO Reports*, 8, 112-116. <https://doi.org/10.1038/sj.embor.7400906>
- Syed Hussein Alatas. (1977). *The Myth of the Lazy Native*.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, Roslan Umar, Mohd Khairul Amri Kamarudin & Abdul Hanis Embong. (2021). Isu-Isu Keetikaan dalam Penulisan Akademik Berkumpulan. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(3), 111-119.
- Yup, K. (2023, May 31). *How Scientific Publishers' Extreme Fees Put Profit Over Progress*. The Nation.